

EDISI 1. 2024

E-BULETIN

EDISI 17

KATA-KATA
KETUA JABATAN
RESOLUSI
2025



PRESTASI EB BSN
TERBAIK SUKU
KEEMPAT
2024



6 TIPS KEJAYAAN
PERNIAGAAN
MENJELANG 2025



PELBAGAI GANJARAN MENANTI ANDA
DENGAN PROMOSI BAHARU DARIPADA BSN

UCAPAN TAHUN
BAHARU 2025
DARI EB BSN



K A N D U N G A N

- 01** Kata-Kata Ketua Jabatan
Muka Surat 03
- 02** Resolusi 2025
Muka Surat 05
- 03** Cerita EB BSN
Muka Surat 07
- 04** Info Am EB BSN
Muka Surat 09
- 05** Tip & Panduan Keselamatan
Muka Surat 11

06 Ucapan Tahun Baharu 2025 daripada EB BSN
Muka Surat 12**07** Aktiviti EB BSN
Muka Surat 14**08** Promosi Baharu BSN
Muka Surat 15**Editorial****PENGARANG**
Anis Syahirah**PENOLONG PENGARANG**
Rohemy Rosslan
Rizalman Zainal
Isrunisyam Ishak
Faiz Ramzani**Produksi & Kreatif****PENGARAH KREATIF**
Ashura Hakim**KREATIF**
Nasrul Shazli
Aizat Azam
Hazman Zuhairy**PEREKA WEB**
Sanny Hisham

Resolusi 20 25

Assalamualaikum

dan Salam Sejahtera,

Kejayaan yang kita capai bersama pada tahun 2024 bukan sahaja mencerminkan usaha gigih anda semua, tetapi juga keberkesanan perkhidmatan Ejen Bank BSN dalam membawa kemudahan kewangan kepada masyarakat, di mana sahaja mereka berada. Liputan mukim yang kini telah mencapai hampir 98%, menjadi bukti bahawa kita melangkah jauh dalam menyediakan perkhidmatan perbankan yang inklusif dan mampu diakses oleh semua lapisan rakyat Malaysia, termasuk di kawasan pedalaman, selaras dengan visi BSN “**Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan**”.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap Ejen Bank BSN yang telah bekerja keras untuk merealisasikan misi BSN untuk membina hubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan mendapat akses terus bagi urusan perbankan mereka.

Anda bukan sekadar ejen perbankan, tetapi juga pemangkin kepada perubahan positif dalam kehidupan masyarakat setempat. Peranan anda membantu pelanggan mengurus kewangan mereka dengan lebih baik.

Melangkah ke tahun 2025, saya yakin bahawa kita mampu mencipta lebih banyak kejayaan dengan strategi yang telah dirancang. Fokus kami adalah untuk memperluaskan komuniti Ejen Bank BSN dan memperkenalkan produk serta perkhidmatan baru yang lebih menyeluruh. Kami juga mensasarkan peningkatan dalam jumlah transaksi dan pengembangan jaringan perniagaan tempatan.

Kejayaan yang kita idamkan hanya akan menjadi kenyataan dengan kerjasama dan usaha berterusan daripada anda. Oleh itu, marilah kita sama-sama melangkah ke tahun baru ini dengan semangat yang lebih tinggi dan bertekad untuk terus memberi impak yang lebih positif kepada komuniti kita.

Akhir kata, saya ingin menyeru kepada anda semua untuk meneruskan komitmen ini. Mari kitajadikan tahun 2025 sebagai satu lagi tahun cemerlang dalam sejarah Ejen Bank. Kita mampu merealisasikan impian ini bersama-sama.

Sekian, terima kasih.

Guzaini Mukhtar

Ketua Jabatan Deposit, Pembayaran & Rangkuman Kewangan

“Fokus kita adalah untuk **memperluaskan komuniti Ejen Bank BSN** dan **memperkenalkan produk serta perkhidmatan baru** yang lebih menyeluruh. Kami juga mensasarkan peningkatan dalam jumlah transaksi dan pengembangan jaringan perniagaan tempatan.”



6 TIPS KEJAYAAN PERNIAGAAN

Setiap perjalanan perniagaan penuh dengan cabaran, tetapi dengan strategi yang betul, kejayaan pasti boleh dicapai. Untuk membantu anda terus maju, kami kongsikan beberapa tips yang boleh memberi impak besar kepada kejayaan perniagaan anda.

1 Kenali Sasaran Perniagaan Anda



Tetapkan matlamat yang jelas untuk perniagaan anda, seperti jumlah transaksi yang ingin dicapai atau bilangan pelanggan baru yang ingin diraih. Manfaatkan data tahun sebelumnya untuk mengenal pasti pola pelanggan dan merancang strategi perkhidmatan yang lebih efektif.

Sumber: BijakDuit

3 Kuasai Ilmu Produk & Pasaran



Fahami semua produk atau perkhidmatan perniagaan anda agar pertanyaan pelanggan dapat dijawab dengan yakin. Sentiasa peka dengan trend terkini untuk mengenal pasti peluang yang sesuai dengan keperluan komuniti. Ambil peluang untuk menyertai sesi latihan bagi meningkatkan kemahiran anda.

Sumber: Hasbul Brothers

2 Tingkatkan Pengalaman Pelanggan



Pastikan pelanggan menerima maklumat yang lengkap dan jelas mengenai produk atau perkhidmatan anda. Amalkan komunikasi yang mesra dan proaktif, seperti memaklumkan promosi terkini kepada pelanggan sedia ada. Ianya bukan sahaja dapat mencipta pengalaman positif, malah memastikan pelanggan kembali untuk berurus dengan anda.

Sumber: Callindo

4 Perluas Jaringan & Hubungan



Gunakan media sosial untuk mempromosikan perkhidmatan anda dan menarik pelanggan baru. Sertai acara komuniti atau perhimpunan untuk memperkenalkan diri anda sebagai Ejen Bank BSN. Bina hubungan rapat dengan pelanggan tetap untuk meningkatkan kepercayaan mereka.

Sumber: Bernama



5 Urus Masa dengan Bijak



Gunakan aplikasi pengurusan masa untuk mengatur jadual anda dan memastikan tugas penting tidak terlepas. Tetapkan keutamaan harian berdasarkan apa yang memberi impak terbesar kepada perniagaan anda. Ambil masa untuk berehat agar anda sentiasa bertenaga dan produktif.

Sumber: RichWorks

6 Jadilah Pemimpin dalam Komuniti



Berikan penyelesaian yang sesuai untuk masalah kewangan komuniti, seperti membantu pelanggan memahami pembiayaan atau simpanan BSN. Jadilah sumber inspirasi kepada rakan perniagaan lain dengan berkongsi kejayaan anda. Galakkan lebih ramai individu untuk menyertai Ejen Bank BSN dan kembangkan pasukan anda.

Sumber: Unifi Business Club

EB BSN Paling Lama Berkhidmat

01	PASARAN KH (TAMAN KEMPAS) Kulim	02	PASARAYA SILATURAHIM (BEST) Pendang	03	MJ WANNINA ENTERPRISE Padang Terap	04	ALTERNATIF AWASAN ENTERPRISE Kuala Muda	05	CEMARA ENTERPRISE Kubang Pasu
06	MOHD RAZALI BIN LATEH Kuala Muda	07	DANIENA ENTERPRISE Langkawi	08	PERNIAGAAN SERI PUTIH SIDAM Kulim	09	DYNAMIC MEGAPLUS SDN BHD Kuala Muda	10	QASEH BS ENTERPRISE Kuala Muda

Berikut adalah senarai Ejen Bank BSN (EB BSN) yang masih aktif dan telah berkhidmat selama 13 tahun sejak Disember 2011. Keberadaan mereka menjadi bukti komitmen tinggi dalam memastikan perkhidmatan perbankan terus dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat.

Mereka telah memainkan peranan penting dalam membantu pelanggan mengurus kewangan serta memberikan perkhidmatan berkualiti. Sepanjang tempoh perkhidmatan, mereka tidak hanya menjadi penasihat yang dipercayai, tetapi juga penyokong dalam merealisasikan aspirasi kewangan pelanggan.

BSN amat menghargai sumbangan besar mereka, yang tidak hanya mencerminkan pengalaman mendalam tetapi juga hubungan erat yang telah dibina bersama masyarakat. Dedikasi mereka adalah satu penghormatan kepada visi BSN untuk terus mendekati dan menyantuni komuniti.

Carta EB BSN Prestasi Terbaik Suku Keempat 2024

Berikut adalah senarai **10 Ejen Bank BSN Terbaik** sehingga Disember 2024 seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.

Tahniah diucapkan kepada semua ejen bank yang tersenarai! Semoga anda terus maju jaya dan mengekalkan prestasi cemerlang sebagai ejen bank yang terunggul pada masa akan datang.



Jangan Terpedaya: Kenali Taktik **Scammer** yang Menyasarkan EB BSN

Perhatian kepada semua Ejen Bank (EB) BSN, kami ingin mengingatkan agar sentiasa berwaspada terhadap taktik penipuan yang semakin berluasa. Scammer kini semakin bijak menyamar sebagai kakitangan BSN dengan menggunakan gambar profil/pas pekerja kakitangan BSN, termasuk CEO BSN.

Modus Operandi:

- **Menghubungi EB BSN** dengan alasan untuk membuat pertukaran terminal yang berada di premis atau pelbagai alasan lain.
- **Meminta EB BSN membuat transaksi deposit** ke nombor akaun yang diberikan melalui aplikasi WhatsApp dengan jumlah tertentu.
- **Mengarah EB BSN melakukan transaksi menggunakan aplikasi pihak ketiga**, dengan jumlah yang tertentu bagi setiap transaksi.

Kebanyakan mangsa hanya menyedari telah ditipu setelah kejadian berlaku dan segera menghubungi pihak BSN untuk pengesahan.

Langkah Berjaga-jaga:

Jika anda menerima sebarang panggilan atau arahan yang mencurigakan, segera hubungi **Helpdesk EB BSN** melalui talian **1-800-88-5220** atau kakitangan BSN negeri anda, dan pastikan untuk membuat laporan polis.

Peringatan:

Sentiasa berhati-hati dan pastikan setiap arahan atau maklumat yang diterima adalah sahih. Jangan mudah terpedaya tanpa pengesahan rasmi daripada pihak BSN.

#EjenBankBSN
#PenggantianTerminalPercuma
#ElakPenipuan



Sokongan Operasi EB BSN

Sekiranya EB BSN mengalami sebarang masalah berkenaan transaksi (berjaya/gagal), masalah terminal P.O.S atau lain-lain berkenaan perkhidmatan EB BSN, sila hubungi talian *helpdesk* kami.

EB BSN

EB BSN Helpdesk
1-800-88-5220

Pelanggan

Pusat Perhubungan Pelanggan
1-300-88-1900



Tip Menghindari Laman Web Palsu

01**Periksa URL dengan Teliti**


Pastikan URL laman web bermula dengan "<https://>" dan ada simbol kunci di bar alamat. Laman web palsu mungkin menggunakan URL yang kelihatan hampir sama dengan laman web rasmi, tetapi dengan perubahan kecil.

02**Pastikan Gambar Keselamatan Betul**

Sebelum memasukkan kata laluan, pastikan gambar keselamatan yang dipaparkan pada laman web adalah betul dan selari dengan yang anda pilih semasa pendaftaran.

04**Gunakan Perisian Antivirus dan Firewall**

Pastikan perisian antivirus dan firewall pada peranti anda sentiasa dikemas kini. Perisian ini dapat membantu mengesan dan menghalang anda daripada melawat laman web yang berisiko.

**03****Jangan Berkongsi Maklumat Perbankan di Laman Web Tidak Dikenali**

Elakkan memasukkan maklumat perbankan anda di laman web yang tidak dikenali atau mencurigakan. Scammer sering mencipta laman web palsu yang hampir serupa dengan laman rasmi.

05**Laporkan Aktiviti Mencurigakan**

Sekiranya anda menemui laman web atau aktiviti yang meragukan, segera laporkan kepada pihak BSN atau pihak berkuasa tempatan untuk tindakan lanjut.

Ucapan Tahun Baharu 2025 daripada Ejen Bank BSN



"Selamat Tahun Baru 2025! Semoga tahun ini membawa kebahagian, keberhasilan dan kedamaian untuk kita semua."

EB Kuala Lumpur,
Kedai Runcit Noor Aini



"Selamat Tahun Baru 2025, mari kita berusaha lebih gigit lagi!"

EB Selangor,
De Kampung Jarom
Mini Market



"Jadikan tahun ini lebih hebat dari sebelumnya!"

EB Negeri Sembilan,
Choa Eng Hong



"Tahun baru, peluang baru! Selamat menyambut Tahun Baru 2025."

EB Pahang,
Basharuddin Enterprise



"Tahun baru, harapan baru, dan peluang baru. Semoga 2025 menjadi lebih bermakna untuk kita semua."

EB Kuala Lumpur,
Srin Maju Enterprise



"Tahun baru, peluang baru untuk mencapai Impian dan kejayaan!"

EB Selangor,
Ritma Alam Enterprise



"Selamat tahun baru, jadikan setiap detik berharga dan bermakna dalam usaha mencapai kejayaan!"

EB Negeri Sembilan,
AI Mini Market



"Selamat Tahun Baru! Semoga tahun ini membawa keberkatan dan rezeki berlimpah."

EB Terengganu,
ANZ Berkat Maju Enterprise



"Selamat Tahun Baru! Teruskan Langkah ke hadapan dengan Keyakinan dan Kepercayaan."

EB Sarawak,
Fook Ann Enterprise



"Selamat tahun baru 2025! dengan semangat dan tekad untuk menjadi yang lebih baik lagi."

EB Kuala Lumpur,
Kedai Runcit Shima Jamil



"Semoga setiap harapan dan doa kita di tahun 2025 ini dikabulkan dan membawa kebahagiaan."

EB Selangor,
RNF Enterprise



"Tahun baru, peluang baru! Jangan lepaskan peluang untuk membuat perubahan yang positif."

EB Johor,
First Mart Trading Sdn Bhd



"Selamat Tahun Baru, jadikan setiap detik berharga dan bermakna dalam usaha mencapai kejayaan!"

EB Negeri Sembilan,
LTKC Trading



"Tahun baru, waktu yang tepat untuk memulakan sesuatu yang baru!"

EB Negeri Sembilan,
Gachong Jaya



"Tahun baru, harapan baru! Sambut tahun ini dengan hati yang penuh harapan."

EB Perak,
G One Accessories



"Selamat tinggal 2024, Selamat datang 2025! Semoga tahun ini dipenuhi dengan keceriaan dan kegembiraan untuk kita semua."

EB Selangor,
Yusoof Din Bin Packir
Mohamed

Penyerahan dan Taklimat Terminal POS EB BSN

Pada 30 Disember 2024 yang lalu, Pengurusan Ejen Bank (EB) BSN, Jabatan Deposit, Pembayaran & Rangkuman Kewangan telah menganjurkan sesi Penyerahan dan Taklimat Penggunaan POS Terminal. Acara ini melibatkan Pengurusan EB BSN bersama beberapa EB dari Kuala Lumpur, Selangor, dan Negeri Sembilan, bertempat di Pusat Pembelajaran BSN (PPBSN) Bangi.

Objektif utama sesi ini adalah untuk menyerahkan POS terminal kepada pihak berkepentingan yang relevan mengikut jadual dan prosedur yang telah dirancang. Selain itu, program ini juga bertujuan memberikan panduan penggunaan peranti dengan menyediakan gambaran ringkas mengenai fungsi dan cara penggunaannya.

Melalui taklimat ini, diharapkan semua EB BSN yang terlibat dapat mengaplikasikan teknologi ini secara optimum dalam operasi harian mereka, sekaligus menyumbang kepada peningkatan pengalaman pelanggan dan memperkuuhkan peranan BSN dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang terbaik kepada komuniti.



Tertakluk kepada Polisi Privasi di www.bsn.com.my

Pelbagai produk dan kempen menarik yang ditawarkan oleh BSN pada tahun 2025 bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan BSN, tetapi semua EB BSN juga. Anda boleh menikmati komisen daripada transaksi yang dilakukan oleh pelanggan!

Jangan lupa, anda juga boleh merujuk pelanggan kepada BSN menerusi RMS untuk produk pembiayaan!



Rebut peluang untuk memenangi pelbagai hadiah menarik termasuk BSN SSP RM1 Juta setiap bulan, kereta idaman anda dan pelbagai hadiah lain dengan hanya menyimpan dengan BSN SSP. Simpan sekarang! Kempen tamat 31 Disember 2025.



Kini anda boleh manfaatkan duit raya anda dengan bijak. Simpan dengan BSN SSP atau BSN Smart Junior untuk nikmati ganjaran hebat! Kempen sah sehingga 30 Jun 2025.



Jom rujuk kenalan anda untuk memohon produk Pembiayaan BSN seperti Pembiayaan Peribadi dan Pembiayaan ASB. Jangan lepaskan peluang untuk menikmati ganjaran tunai melalui Kempen 'Customer Get Customer' ini. Kempen sah sehingga 30 September 2025.